


1 - 15 JULAI, 2026

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# PILA
## perkukuh ekosistem logistik wilayah utara

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **SIEW CHIA EN**

**GEORGE TOWN** - *Penang International Logistics Aeropark* (PILA) dijangka menjadi pemangkin baharu dalam memperkukuh ekosistem logistik di wilayah utara sekali gus menyokong pertumbuhan sektor perindustrian Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, projek usaha sama strategik antara Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) itu melibatkan pembangunan terminal kargo baharu bagi memenuhi keperluan logistik industri berteknologi tinggi yang semakin meningkat.

"PILA merupakan satu langkah penting dalam mempertingkatkan infrastruktur logistik Pulau Pinang.

"Projek ini bukan sahaja akan meningkatkan kapasiti kargo, malah membuka peluang kepada pemain logistik tempatan dan syarikat antarabangsa untuk mengembangkan operasi mereka di negeri ini," katanya ketika mengadakan lawatan ke tapak projek PILA di sini pada 5 Mei 2026.



KETUA Menteri bersama wakil PDC dan MAHB meninjau tapak pembangunan bagi melihat perkembangan semasa projek dalam lawatan kerja yang diadakan pada 5 Mei lalu.

Menurut Kon Yeow, meskipun berdepan cabaran global, sektor perindustrian termasuk sektor elektrik dan elektronik (E&E) dan semikonduktor terus menunjukkan pertumbuhan positif susulan peningkatan permintaan terhadap teknologi baharu termasuk kecerdasan buatan (AI).

Tambah beliau, perkembangan tersebut secara langsung meningkatkan tempahan yang diterima industri di Pulau Pinang, sekali gus menjadikan keperluan terhadap kemudahan logistik tambahan semakin mendesak sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

"Tanpa kemudahan baharu, kargo perlu dihantar ke lokasi lain seperti Singapura menggunakan pengangkutan darat dari wilayah utara.

"Dengan adanya kemudahan tambahan ini, kita mampu mengendalikan kargo secara terus di Pulau Pinang, seperti yang disebut MAHB, *'Make in Penang, Fly from Penang'*," ujarnya.

Terdahulu, Kon Yeow diberikan taklimat oleh Ketua Unit Projek Khas PDC, Azizee Rohemee dan Pengurus Projek Arup, Jason Mak berhubung perkembangan semasa projek berkenaan.

• *Sambungan di muka 2.*

# Sinonim 'muzium hidup'
## kekal pelihara warisan seiring kemajuan

Oleh : **NUR ASHIKIN ISMAIL**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**PENANTI** - Pulau Pinang terus memperkukuh agenda pemeliharaan warisan negeri menerusi pelbagai inisiatif strategik yang dilaksanakan selari dengan gagasan Visi Penang2030 bagi memastikan pembangunan dan warisan bergerak seiring.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, Pulau Pinang sememangnya sinonim sebagai sebuah 'muzium hidup' yang unik dengan kekuatan terletak pada keupayaan mengekalkan keseimbangan antara kemajuan dan pemeliharaan warisan.

Menurut beliau, daripada keindahan seni bina di Tapak Warisan Dunia George Town hingga ke kampung-kampung tradisional di Seberang Perai, setiap sudut negeri ini menyimpan naratif sejarah yang amat bernilai.

"Kerajaan Negeri melihat warisan bukan sekadar tinggalan masa lalu, sebaliknya sebagai aset strategik yang mampu memacu pertumbuhan ekonomi, memperkukuh perpaduan dan meningkatkan kesejahteraan rakyat.

"Malah, warisan ini bukan sahaja mencerminkan siapa kita, tetapi turut menjadi asas kepada pembinaan masa depan yang lebih bermakna," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Program Kenduri Warisan sempena Majlis Pengisytiharan Warisan Negeri Tahun 2026 dekat Perpustakaan Desa Mengkuang Titi di sini 9 Mei lalu.

Turut hadir, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Zulkifli Long; Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Wong Hon Wai; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Baderul Amin Abdul Hamid; Ketua Pengarah Jabatan Warisan Negara, Mohamad Muda Bahadin serta Pesuruhjaya Warisan Negeri Pulau Pinang, Ar. Zalena Abdul Aziz.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menyatakan bahawa menerusi Inisiatif Strategik B3 Visi Penang2030, Pulau Pinang telah mencapai 90 peratus daripada sasaran keseluruhan termasuk kejayaan membangunkan 10 produk destinasi antarabangsa baharu.

"Pembangunan 10 produk destinasi antarabangsa baharu telah mencapai 100 peratus sasaran pembangunan produk global yang mana menunjukkan Pulau Pinang berada pada landasan tepat dalam memperkukuh sektor pelancongan dan warisan negeri.

"Sebagai makluman, tahap kepuasan pelancong kini mencecah 85.2 peratus sekali gus memperlihat Pulau Pinang kekal sebagai destinasi pelancongan berkualiti tinggi pada peringkat antarabangsa," ujarnya yang merupakan ADUN Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan.

Dalam perkembangan sama, Kon Yeow turut memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri memperuntuk sebanyak RM4.3 juta bagi melaksanakan 10 projek fizikal utama di kawasan warisan termasuk kerja-kerja pemulihan dan pemeliharaan.



TETAMU kehormat menceriakan suasana Program Kenduri Warisan di Mengkuang Titi, baru-baru ini dengan menyertai aktiviti mengacau dodol yang menjadi tradisi masyarakat setempat.

"Pembangunan *George Town Heritage Relic* (GTH-Relic) di Gat Lebuh Acheh kini berada pada fasa akhir dan bakal menjadi hab penyelidikan warisan bertaraf antarabangsa di rantau ini.

"Di samping itu, Kerajaan Negeri turut giat memproses pencalonan beberapa penempatan tradisional termasuk Kampung Melayu Lama Air Itam untuk diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan bagi memastikan nilai sejarah dan budaya terus dipelihara," jelasnya.

Serentak majlis sama, sebanyak 50 pengiktirafan Warisan Negeri Pulau Pinang diumumkan membabitkan 28 makanan warisan, 15 tapak warisan dan tujuh warisan kebudayaan tidak ketara yang merangkumi seni persembahan serta kulinari tradisional negeri.

Dalam pada itu, Kon Yeow menyifatkan penganjuran Kenduri Warisan yang julung kali diadakan itu sebagai medium penting dalam menyatukan masyarakat melalui pendekatan 'diplomasi makanan'.

"Penganjuran Kenduri Warisan ini bukan sahaja meraikan khazanah budaya, malah menjadi jambatan yang merapatkan hubungan antara dasar kerajaan dan kehidupan rakyat.

"Dengan pencapaian yang memberangsangkan serta komitmen berterusan semua pihak, saya yakin Pulau Pinang akan terus bersinar sebagai permata warisan yang disegani pada peringkat dunia," ulasnya.

# Potensi sebagai hab logistik

• *Sambungan dari muka 1.*

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif PDC, Abdul Latiff Ab. Aziz dan Pengurus Kanan MAHB, Rahimee @Faize Jamaluddin.

Dalam perkembangan berkaitan, lembaga pengarah PDC dan MAHB telah meluluskan penubuhan syarikat usaha sama, PILA Sdn. Bhd. dengan perjanjian dimeterai pada 13 April 2026.

Projek bernilai RM1 bilion melibatkan kawasan seluas 42 hektar itu dibiayai oleh PDC dengan sokongan Kerajaan Persekutuan yang menyediakan geran bagi komponen tertentu.

Kerjasama strategik tersebut selaras dengan Visi Penang2030 dan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang selain menyokong peluasan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang bagi memenuhi permintaan logistik masa hadapan.

Setakat ini, projek tersebut telah memperoleh kelulusan Pelan Induk manakala kerja-kerja tanah dan rawatan tanah sedang dilaksanakan oleh PDC.

Fasa pertama projek melibatkan pembinaan Gudang Kargo Udara Zon Komersial Bebas yang dijangka siap dan mula beroperasi menjelang tahun 2029.

Apabila siap sepenuhnya kelak, PILA dijangka mampu mengendalikan sehingga 500,000 tan kargo setahun menjelang tahun 2050 dengan keluasan gudang melebihi dua juta kaki persegi.

Fasa pertama sahaja dijangka menyokong tambahan kapasiti sebanyak 100,000 tan kargo setahun.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menyatakan bahawa projek berkenaan turut menerima komitmen pajakan daripada syarikat logistik antarabangsa dan pengendali tempatan, sekali gus membuktikan keyakinan pelabur terhadap potensi Pulau Pinang sebagai hab logistik utama di rantau ini.




ILUSTRASI Pelan Induk PILA di Bayan Lepas yang sedang dibangunkan sebagai hab logistik moden dan strategik bagi menyokong pertumbuhan ekonomi Pulau Pinang.



AR. Zalena Abdul Aziz.

# Jaga warisan jaga masa depan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**PULAU** Pinang bukan sekadar sebuah negeri yang pesat membangun, tetapi sebuah kanvas sejarah yang sarat dengan lapisan cerita, budaya dan identiti yang terbentuk sejak berabad lamanya. Di sebalik bangunan lama yang masih berdiri megah, lorong-lorong bersejarah dan komuniti berbilang budaya, tersimpan usaha berterusan untuk memastikan khazanah ini tidak hilang ditelan arus pembangunan moden.

Dalam satu temu bual bersama Pesuruhjaya Warisan Negeri Pulau Pinang, **AR. ZALENA ABDUL AZIZ** pada 24 April lalu, pelbagai aspek penting berkaitan proses pewartaan, pemuliharaan dan pemeliharaan masa depan tapak warisan telah dikongsikan, menggambarkan betapa kompleks namun penting usaha menjaga legasi negeri ini untuk generasi akan datang.

Membuka bicara Zalena memaklumkan bahawa penilaian sesuatu tapak untuk disenaraikan sebagai tapak warisan negeri adalah berpandukan Peraturan 3, Peraturan-Peraturan Warisan Negeri Pulau Pinang 2016, yang mana antara kriteria utama yang hendak dipertimbangkan termasuk:-

- kepentingan sejarah atau hubungan antara warisan kebudayaan ketara atau tapak warisan semula jadi dengan warisan Negeri Pulau Pinang yang menggambarkan aspek penting masyarakat, ekonomi, budaya, sejarah, alam semula jadi, sains, agama, reka bentuk dan ciri-ciri estetik atau personaliti sejarah terkemuka;
- reka bentuk warisan kebudayaan ketara yang mempunyai nilai estetik dan reka bentuk seni bina, fabrik, hiasan serta ketukangan secara intrinsik;
- pembaharuan atau pencapaian saintifik atau teknikal yang mempamerkan contoh penting mengenai jenis dan teknik bangunan tertentu di Negeri Pulau Pinang;
- kepentingan ikatan sosial atau budaya masyarakat, komuniti, bangsa atau etnik;
- potensi pendidikan dan kajian ilmiah berkaitan warisan kebudayaan ketara atau warisan semula jadi di Negeri Pulau Pinang;
- kepentingan dalam mempamerkan suatu kekayaan, kepelbagaian atau integrasi luar biasa;
- keistimewaan, keunikan warisan kebudayaan ketara atau warisan semula jadi;
- nilai kumpulan suatu kelompok bangunan yang kepentingannya memenuhi mana-mana kriteria di atas;
- perwakilan sifat suatu warisan kebudayaan ketara atau warisan semula jadi sebagai sebahagian daripada suatu kelas atau jenis warisan kebudayaan ketara atau warisan semula jadi; atau
- faktor lain yang relevan dalam menentukan kepentingan warisan.

"Kesemua aspek ini akan dinilai secara teliti oleh Jawatankuasa Pakar Warisan Kebudayaan Ketara yang dilantik di bawah Majlis Warisan Negeri.

"Kebiasaannya, ahli jawatankuasa ini terdiri daripada pensyarah, ahli sejarah, ahli arkeologi, konservator dan arkitek.

"Proses pencalonan tapak warisan tidak berlaku secara sembarangan, ia boleh dimulakan oleh pihak pejabat atau orang awam melalui borang rasmi yang boleh didapati melalui laman sesawang Pejabat Pesuruhjaya Warisan Negeri Pulau Pinang.

"Seterusnya, penilaian akan dibuat oleh Jawatankuasa Pakar Warisan Kebudayaan Ketara yang akan menentukan sama ada sesuatu pencalonan diterima, ditolak atau ditangguhkan berdasarkan kriteria dan tatacara yang dinyatakan dalam Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang (Enakmen 14) serta Peraturan-Peraturan Warisan Negeri Pulau Pinang 2016.

"Keputusan tersebut kemudiannya akan disahkan oleh Majlis Warisan Negeri yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri sebelum dibawa ke Mesyuarat Majlis Kerajaan (MMK) Negeri untuk diluluskan.

"Setelah kelulusan Mesyuarat Majlis Kerajaan (MMK) Negeri diperoleh, pemakluman kepada pemilik dan orang awam berkenaan penetapan tapak tersebut sebagai tapak warisan.

"Pemakluman ini penting untuk dilakukan bagi memberi peluang proses bantahan dan rayuan dilakukan sebelum tapak tersebut ditetapkan sebagai Tapak Warisan," jelasnya.

Menurut beliau, setelah tempoh bantahan dan rayuan yang diperuntukkan tamat, Warta Notis Penetapan Tapak Warisan akan dikeluarkan sebagai pengumuman rasmi selaras perenggan 24(1)(a) Enakmen 14.



MASJID Kapitan Keling yang terletak di tengah-tengah bandar raya George Town.

## Warisan bentuk identiti negeri

Tapak-tapak warisan di Pulau Pinang, kata Zalena, bukan sekadar struktur fizikal, tetapi merupakan naratif visual evolusi sejarah negeri.

"Ia membentuk identiti unik negeri ini sebagai pusat pertemuan pelbagai budaya pada suatu ketika dahulu yang diteruskan sehingga kini.

"Oleh itu, pemeliharaan dan pemuliharaan tapak ini penting bagi memastikan kesinambungan sejarah agar generasi akan datang dapat memahami asal-usul dan jati diri mereka melalui tinggalan warisan yang masih hidup.

"Malah, warisan Pulau Pinang secara umumnya dikenali pada peringkat antarabangsa, misalnya melalui pengiktirafan oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) dan wajar dipelihara dengan baik," ujarnya.

Walaupun Pulau Pinang pesat membangun, beliau yakin bahawa Kerajaan Negeri tetap menekankan prinsip bahawa pembangunan dan pemeliharaan warisan mesti bergerak seiring.

"Selaras subseksyen 34(1) Enakmen 14 dibaca bersama subperaturan 8(1) Peraturan-Peraturan Warisan Negeri Pulau Pinang 2016, tapak warisan hendaklah dipastikan sentiasa dalam keadaan baik dan bagi mengimbangi keseimbangan pemeliharaan warisan dan pembangunan moden, Pelan Pengurusan Pemuliharaan Tapak Warisan akan dikeluarkan oleh Jawatankuasa Pakar Warisan Kebudayaan Ketara yang akan dipantau oleh Pesuruhjaya Warisan Negeri.

"Pelan Pengurusan ini akan bertindak sebagai garis panduan, setiap cadangan pembangunan di dalam atau di sekitar tapak warisan perlu dirujuk dan mendapat ulasan teknikal daripada Pesuruhjaya Warisan Negeri.




BATU Bersurat Cherok To' Kun antara 15 lokasi yang bakal diwartakan sebagai tapak warisan.

• *Sambungan di muka 4.*

# Komuniti 'penjaga' sebenar warisan

• *Sambungan dari muka 3.*

"Pembangunan tidak dihalang, namun ia perlu bersifat peka warisan *(heritage-sensitive)* agar nilai asal sesuatu tapak tidak terjejas," katanya yang juga Ahli Panel merangkap Pengerusi Gantian Jawatankuasa Technical Review Panel (JTRP).

Tambah beliau, garis panduan yang diguna pakai pada peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan dasar pembangunan lain seperti Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) juga membantu dalam konteks ini.

## Cabaran melindungi warisan

Antara cabaran terbesar yang dihadapi dalam memelihara dan memulihara tapak warisan, menurut Zalena adalah stigma masyarakat yang mana warisan sering dianggap 'lama' dan tidak relevan, sedangkan ia merupakan khazanah hidup yang bernilai tinggi.

"Keduanya adalah kekangan kewangan bagi memelihara dan memulihara tapak-tapak warisan ini yang mana usaha pemeliharaan dan pemuliharaan hendaklah sentiasa dijalankan sama ada pada pihak pemilik tapak mahupun di pihak Pejabat Pesuruhjaya Warisan Negeri Pulau Pinang.

"Walaupun berdepan dengan cabaran kos yang semakin meningkat, kita sentiasa proaktif dalam memanfaatkan setiap ruang dan peluang kerjasama dengan pelbagai agensi.

"Sinergi ini membolehkan kita menjana lebih banyak sumber sokongan bagi memastikan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan tapak warisan ini dapat diteruskan dengan jayanya," katanya.

Selain itu, beliau menyatakan bahawa tekanan pembangunan yang kian pesat dan isu pemilikan tanah yang rumit turut memberi cabaran besar.

Malah, tambahnya, keperluan sistem data moden, dron dan pakar teknikal untuk dokumentasi yang lebih lengkap juga menjadi cabaran yang dihadapi dalam usaha mengekalkan tapak warisan di Pulau Pinang.

"Walau bagaimanapun, pejabat ini sedang berusaha untuk menambah baik sistem pendokumentasian warisan di Pulau Pinang," tegas beliau.

## Komuniti penjaga sebenar warisan

Komuniti, menurut Zalena, adalah 'penjaga' sebenar warisan yang memainkan peranan penting sebagai 'mata dan telinga' kepada kerajaan dalam memantau dan memelihara warisan.

"Kerjasama ini membantu menyemai rasa pemilikan *(sense of ownership)* dan kebanggaan sekali gus membantu menyampaikan ilmu warisan kepada orang luar khasnya generasi muda.

"Ia diperkukuhkan melalui pelbagai program libat urus pada peringkat komuniti, penganjuran seminar dan pertandingan, aktiviti warisan berterusan serta pendidikan warisan pada peringkat negeri, kebangsaan mahupun antarabangsa.

"Tambahan pula, buku berkenaan Warisan Ketara dan Warisan Tidak Ketara perlu diperbanyak sebagai bahan bacaan di sekolah mahupun universiti," jelasnya.

Dalam pada itu, menurut Zalena, tapak warisan yang terdapat di negeri ini dianggap sebagai 'buku teks sejarah hidup' yang memberi pengalaman pembelajaran secara langsung.

"Pendekatan 'melihat sendiri' lebih bermakna daripada sekadar membaca atau *'seeing is believing'*, yang mana ia membantu dalam tujuan penghayatan dan pembelajaran berunsurkan seni bina warisan," ulasnya lanjut.

Menyentuh mengenai sokongan Kerajaan Negeri, Zalena memaklumkan antara bentuk bantuan yang disediakan termasuklah geran pemuliharaan, khidmat nasihat teknikal, kajian dan pelan pengurusan serta sokongan dana tambahan daripada pihak luar.



**PENANG *Free School*, sekolah tertua di Asia Tenggara yang diasaskan pada tahun 1816, turut termasuk dalam senarai tapak warisan.**



**BANGUNAN Lembaga Muzium Pulau Pinang di Lebuh Farquhar kekal tersergam indah, mencerminkan keunikan seni bina dan nilai warisan yang tidak ternilai.**

"Tapak warisan yang dalam keadaan asal mempunyai nilai seni bina yang sangat tinggi, oleh itu ia perlu dikekalkan dalam keadaan baik, termasuk kerja konservasi, landskap dan pengekalan elemen asal yang autentik dan menarik.

"Apabila mewartakan tapak baharu, kita dapat mempelbagaikan produk pelancongan di luar kawasan UNESCO sekali gus membantu ekonomi setempat melalui aktiviti perniagaan dan penceritaan sejarah.

"Pewartaan makanan warisan juga menjadikan Pulau Pinang sebagai hab makanan warisan yang unik dan asli, menjadi lokasi *'food hunters'* dan pencipta kandungan yang akan menyemarakkan lagi industri pelancongan berunsurkan gastronomi," ujarnya.

Langkah mengekalkan dan melindungi aset warisan sama ada pakaian, seni pertahanan diri dan budaya sarapan pagi, kata Zalena, di samping pewartaan di bawah Enakmen 2011 dan Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) dapat menjamin harta warisan ini kekal untuk generasi akan datang.

## Generasi muda pelindung warisan

Zalena meletakkan harapan tinggi kepada generasi muda sebagai pewaris dan pelindung utama warisan negeri.

"Mereka perlu didedahkan dengan nilai sejarah dan identiti unik sesuatu kawasan seperti Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town, Tapak Biosfera Bukit Bendera atau bangunan bernilai warisan, akan menjadikan mereka lebih menghargai kepelbagaian budaya, seni bina dan tradisi yang membentuk jati diri negeri ini.

"Mereka juga mampu memanfaatkan teknologi dan kreativiti dalam mempromosikan warisan melalui media sosial, kandungan digital dan inovasi pelancongan agar warisan negeri ini terus relevan dan menarik kepada dunia luar.

"Secara tidak langsung, meningkatkan potensi terhadap kelestarian warisan melalui dasar pemeliharaan elemen warisan yang sentiasa dikemas kini selaras dengan polisi serta dasar daripada UNESCO ataupun Majlis Antarabangsa bagi Monumen dan Tapak (ICOMOS) pada peringkat antarabangsa," katanya.

Sebelum menutup bicara, Zalena memberitahu bahawa warisan bukan sekadar tinggalan sejarah yang terpahat pada bangunan lama atau tapak bersejarah, tetapi merupakan akar kepada identiti negeri dan cerminan jati diri masyarakat.

"Menjaga warisan bererti menjaga masa depan.

"Usaha berterusan oleh Pejabat Pesuruhjaya Warisan Negeri Pulau Pinang membuktikan bahawa keseimbangan antara pembangunan dan pemeliharaan bukan sesuatu yang mustahil, sebaliknya ia adalah satu tanggungjawab bersama demi memastikan khazanah negeri ini terus hidup, dihargai dan diwarisi," tegasnya lagi.

Terdahulu, Pejabat Pesuruhjaya Warisan Negeri telah menetapkan 15 lokasi sebagai tapak warisan. Antaranya:-

- Batu Bersurat Cherok To'kun
- Bangunan Persatuan Leng Eng Seah Butterworth
- Bangunan Dewan Perniagaan Tionghua Pulau Pinang
- Bangunan Lembaga Muzium Pulau Pinang
- Menara Jam Besar
- *Penang Free School*
- Mahkamah Tinggi Pulau Pinang
- Kota Cornwallis
- Tapak Arkeologi Guar Kepah
- Masjid Kapitan Keling
- Masjid Melayu Leboh Acheh
- Makam Sheikh Omar
- Leong San Tong Khoo Kongsi
- Bangunan Dewan Bandaraya dan Bandaran Pulau Pinang
- Gereja St. George

# Skuad ADK Pulau Pinang fokus pencegahan awal



MOHAMAD Shukri Che Wang.

APABILA memperkata tentang isu penyalahgunaan dadah, minda kita sering kali membayangkan operasi serbuan pihak berkuasa, siren polis, atau kehidupan di sebalik tirai besi pusat pemulihan.

Namun di Pulau Pinang, terdapat gerakan sukarelawan yang aktif bekerja di barisan hadapan bagi memastikan komuniti setempat, khususnya golongan muda, tidak terjebak dalam gejala penyalahgunaan dadah.

Skuad Antidadah Kebangsaan (ADK), iaitu sebuah entiti kesukarelaan yang kini diiktiraf sebagai antara pasukan yang paling aktif dan dinamik di Malaysia.

Baru-baru ini, wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** bersama-sama jurugambar, **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI** berkesempatan menemu ramah tonggak utama di sebalik skuad ini di Wisma Persekutuan, Kepala Batas.

Beliau yang dimaksudkan ialah Presiden Skuad ADK, **MEJAR BERSEKUTU (PA) MOHAMAD SHUKRI CHE WANG**.

Mengimbas perjalanan skuad tersebut, Mohamad Shukri merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah pimpinan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow atas sokongan berterusan yang diberikan termasuk dalam bentuk peruntukan kewangan.

"Skuad ADK di negeri ini bukan sekadar mendapat sokongan moral, malah Pulau Pinang juga menjadi negeri perintis pertama dalam negara yang menyalurkan peruntukan kewangan secara terus kepada skuad sukarelawan ini sejak tahun 2021 lagi.

"Terbaharu, menerusi Mesyuarat Majlis Tindakan Membanteras Dadah (MTMD) Peringkat Negeri, Kerajaan Negeri meluluskan peruntukan hampir RM500,000 untuk tempoh lima tahun dengan agihan tahunan dianggarkan sekitar RM60,000.

"Peruntukan ini membolehkan kami melaksanakan pelbagai program yang memberi impak besar kepada masyarakat sehingga Skuad Antidadah Kebangsaan Pulau Pinang dipilih sebagai skuad paling cemerlang bagi tahun 2024 dan 2025.

"Sokongan Kerajaan Negeri serta rekod komitmen sekalian sukarelawan kita di Pulau Pinang kini menjadi model rujukan kepada negeri-negeri lain," ujarnya.

Selain itu, beliau berkata Skuad ADK Pulau Pinang turut mencipta sejarah apabila menjadi satu-satunya skuad di negara ini yang berjaya menubuhkan pasukan *Civil Defence Auxiliary* (CDA) menerusi kerjasama dengan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).



**KEJOHANAN karom sempena Aspirasi Komuniti Sihat yang diadakan di Penanti pada April lalu bertujuan menggalakkan penglibatan komuniti dalam aktiviti riadah yang sihat. *(Ihsan: Skuad ADK)***

## Utamakan pencegahan awal, bukan penangkapan

Mohamad Shukri menjelaskan bahawa fungsi Skuad Antidadah Kebangsaan berbeza daripada Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK).

Menurut beliau, skuad tersebut ditubuhkan di bawah Seksyen 6(h) Akta Agensi Antidadah Kebangsaan 2004 dan beroperasi atas kapasiti kesukarelaan, bukannya sebagai pertubuhan berdaftar di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS).

"Fokus utama kami adalah pada peringkat pencegahan awal *(upstream)*.

"Maksudnya, kami (Skuad ADK) mendekati dan menyantuni golongan yang belum terjebak dengan penyalahgunaan dadah melalui pelbagai program pendidikan dan kesedaran.

"Sebaliknya, tugas penguatkuasaan, serbuan dan tangkapan adalah di bawah bidang kuasa Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta pegawai AADK," ujarnya.

Beliau turut memaklumkan bahawa individu yang ingin mendapatkan rawatan secara sukarela tanpa melalui proses perundangan boleh hadir ke Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Bukit Mertajam bagi mendapatkan bantuan dan pemulihan.

## Cabaran baharu, *vape* *'mushroom'*

Di sebalik tinta kejayaan yang diberikan kepada Skuad ADK Pulau Pinang, Mohamad Shukri memberitahu bahawa pasukan sukarelawan di bawah kepimpinannya berdepan cabaran semasa yang semakin kompleks.

Bercerita lanjut mengenai trend penyalahgunaan dadah yang paling membimbangkan di Pulau Pinang ketika ini, Mohamad Shukri tidak menafikan cabaran besar yang dibawa oleh penularan cecair *'mushroom'* (kulat khayal) yang dimasukkan ke dalam peranti rokok elektrik *(vape)* dalam kalangan remaja dan pelajar sekolah.

"Bahan terlarang ini tidak dijual secara terbuka, sebaliknya ditempah secara dalam talian.

"Rantaian digital seperti ini agak sukar dibendung.

"Oleh itu, skuad kami giat mengadakan program saringan dan kesedaran pada peringkat sekolah serta institusi pengajian tinggi (IPT), " katanya.

## 'Sukarelawan Profesional'

Ditanya lanjut, Mohamad Shukri memberitahu bahawa Skuad ADK di Pulau Pinang kini mempunyai kira-kira 12,300 anggota sukarelawan.

"Keanggotaan Skuad ADK di Pulau Pinang ini mencecah lebih 12,300 orang yang mana mereka berumur antara 18 hingga 45 tahun.

"Profil ahli-ahli mereka juga amat mengagumkan (yang mana) mereka terdiri daripada jurutera, pensyarah, guru, penjawat awam, sehinggalah kepada golongan usahawan.

Mengulas lanjut, beliau menyatakan bahawa kepelbagaian latar belakang usia serta profesion dalam kalangan pasukan sukarelawan berkaitan adalah salah satu sinergi Skuad ADK untuk menganjurkan satu-satu acara di lapangan.

## Lima kluster utama

Bagi memastikan mesej antidadah dapat disampaikan secara lebih santai dan berkesan, aktiviti skuad dibahagikan kepada lima kluster utama:

- **Skuad Aktif**

Mendekati golongan muda melalui aktiviti kecergasan dan kejohanan sukan seperti futsal.

- **Skuad Rohani**

Menganjurkan forum keagamaan, majlis selawat dan program kebajikan seperti Ziarah Kasih sepanjang Ramadan.

- **Skuad Korporat**

Membantu memperkasakan ekonomi keluarga klien melalui pelbagai kursus kemahiran dan keusahawanan.

"Sebagai contoh, menyediakan kursus pembuatan roti kepada para isteri yang suaminya sedang menjalani pemulihan agar mereka dapat menjana pendapatan sampingan," jelasnya.

• *Sambungan di muka 15.*

# Konservasi penyu perkukuh agenda ekopelancongan

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **SIEW CHIA EN**



**ANTARA lokasi pendaratan penyu yang terdapat di Pulau Pinang.**

**TELUK BAHANG** – Agenda pembangunan pelancongan di Pulau Pinang tidak boleh dipisahkan daripada usaha konservasi alam semula jadi bagi memastikan khazanah biodiversiti negeri terus terpelihara untuk generasi akan datang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menegaskan perkara itu ketika menyempurnakan acara pelepasan anak penyu di Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu Pantai Kerachut di sini pada 15 Mei 2026.

Beliau yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi, Tanah dan Komunikasi berkata, penyu merupakan 'permata alam' yang mempunyai nilai ekologi, pendidikan dan pelancongan yang tinggi, sekali gus memperkukuh agenda ekopelancongan Pulau Pinang.

"Taman Negara Pulau Pinang, khususnya Pantai Kerachut, mempunyai potensi besar sebagai aset ekopelancongan bertaraf antarabangsa kerana keunikan konservasi penyu yang terdapat di sini," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan.

Exco Pembangunan Luar Bandar, Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Keusahawanan, Dato' Rashidi Zinol yang juga ADUN Sungai Acheh; Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Zairi Mat Ali dan Penasihat Undang-Undang Negeri, Dato' Wan Nor Sakina Saad turut sertai sidang media bersama-sama Kon Yeow.

Hadir sama, ADUN Teluk Bahang, Muhammad Kassim; ADUN Pinang Tunggal, Bukhori Ghazali; Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang, Zarina Zainuddin dan Ketua Cawangan Konservasi dan Perlindungan Perikanan Pejabat Perikanan Negeri Pulau Pinang, Muhammad Adi Syarqawi Shaefe.

Buletin Mutiara dimaklumkan bahawa Jabatan Perikanan Malaysia melalui Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu Pantai Kerachut telah menjalankan usaha konservasi habitat penyu sejak tahun 1995.

Hasil usaha berterusan tersebut, sebanyak 273 pendaratan ibu penyu telah direkodkan dengan 15,822 ekor anak penyu berjaya ditetaskan dan dilepaskan semula ke habitat semula jadi.

Tahun 2023 merupakan tahun paling cemerlang apabila merekodkan 79 pendaratan penyu, sekali gus menghasilkan sebanyak 5,168 ekor anak penyu yang berjaya ditetaskan.

Mengulas lanjut, Kon Yeow berkata Pantai Teluk Bahang, Teluk Ketapang, Pantai Kerachut dan Teluk Kampi kekal sebagai lokasi utama pendaratan penyu agar dan penyu lipas di Pulau Pinang.

Beliau turut menjelaskan bahawa statistik pelawat ke Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu Pantai Kerachut menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan.

"Ini membuktikan bahawa konservasi alam sekitar mampu menjadi pemacu sektor ekopelancongan negeri," katanya.

Menurut beliau, sepanjang tempoh 2021 hingga April 2026, pusat konservasi tersebut menerima seramai 109,351 pelawat tempatan dan 44,951 pelawat antarabangsa, menjadikan jumlah keseluruhan pelawat mencecah 154,302 orang.


**TASIK Meromiktik menjadi salah satu tarikan pengunjung yang ingin berkunjung ke Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu melalui jalan darat.**

"Tahun 2025 mencatatkan jumlah pelawat tertinggi apabila seramai 27,771 pelawat tempatan dan 15,273 pelawat antarabangsa direkodkan, menjadikan jumlah keseluruhan pelawat mencapai 43,044 orang.

"Peningkatan jumlah pelawat ini membuktikan bahawa usaha konservasi bukan sahaja penting dari sudut pemuliharaan biodiversiti, malah mampu memberi nilai tambah kepada sektor pelancongan, pendidikan dan ekonomi setempat," ulasnya.

Walaupun mencapai pelbagai kejayaan, Kon Yeow mengakui bahawa usaha konservasi berdepan cabaran besar termasuk pencemaran laut, gangguan aktiviti manusia serta pembangunan pesisir pantai yang tidak terkawal.

Sebagai tanda komitmen Kerajaan Negeri terhadap usaha pemuliharaan tersebut, beliau berkata bahawa empat Pembantu Khidmat Am telah ditempatkan di pusat konservasi berkenaan bagi memastikan operasi berjalan secara sistematik dan berkesan.

"Penyu mungkin tidak mampu berkata-kata, namun melalui usaha inilah kita membuktikan Pulau Pinang mempunyai rasa tanggungjawab tinggi dalam memelihara permata alam yang tidak ternilai ini," katanya.


**KETUA Menteri dan isteri (duduk, tiga dari kiri) bersama-sama tetamu kehormat lain tidak melepaskan peluang menyempurnakan pelepasan anak penyu ketika lawatan ke Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu Pantai Kerachut pada 15 Mei lalu.**

# Akademi Wira Muda

## ketengah lebih ramai bakat

**BERMULA** sebagai sebuah akademi komuniti dengan hanya 80 pelatih pada tahun 2018, Akademi Bola Sepak Wira Muda kini berkembang pesat dengan hampir 300 pelatih serta 14 jurulatih bertauliah yang komited membimbing bakat muda.

Pengerusi dan Pengasasnya, **SHAIK AWISH ALKIRANI**, 32, berkata bahawa akademi tersebut pada awalnya beroperasi di Padang Awam Jawi, Nibong Tebal sebelum berpindah ke Akademi Kecemerlangan MARA (AKM), Krian dalam tempoh tiga bulan selepas penubuhan.

"Alhamdulillah, perkembangan ini menunjukkan kepercayaan ibu bapa terhadap sistem latihan dan pendekatan yang kami laksanakan," katanya kepada penulis Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF** dan jurugambar, **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS** ketika ditemui sempena wawancara khas dekat AKM Krian, Nibong Tebal pada 16 April lalu.

Menurut beliau, Akademi Wira Muda merupakan akademi komuniti swasta yang bernaung di bawah Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang serta berdaftar dengan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM).



**SHAIK Awish Alkirani.**



**W.R. IRMAN W.R. Kamaruzaman.**



**MOMEN ketika menjulang trofi kejohanan di Singapura pada tahun ini.**

### Lahirkan pemain ke peringkat elit

Sepanjang hampir sedekad beroperasi, akademi tersebut berjaya melahirkan ramai pemain berbakat yang melangkah ke peringkat lebih tinggi termasuk Akademi Mokhtar Dahari dan Akademi Johor Darul Ta'zim (AJDT).

"Setakat tahun ini, tujuh pelatih kami berjaya menempatkan diri di Akademi Mokhtar Dahari dan AJDT, malah, seorang pelatih kami, Nur Azam Muslim Nor Hisham turut terpilih mewakili Malaysia ke Kejohanan Bola Sepak ASEAN (Piala AFF) Bawah 16 Tahun 2026," jelasnya.

Pada peringkat negeri pula, Shaik Awish menyatakan bahawa Akademi Wira Muda konsisten membekalkan pemain kepada Majlis Sukan Negeri (MSN) Pulau Pinang bagi kategori bawah 12 tahun serta kerap mara ke perlawanan akhir zon daerah.

"Kejayaan Akademi Wira Muda turut terserlah di pentas antarabangsa apabila muncul juara kategori bawah 11 dan 12 tahun dalam kejohanan di Singapura serta *Bangkok International Super Cup* pada tahun 2025.

"Lebih membanggakan, kejayaan tersebut berjaya dipertahankan bagi kategori bawah 12 tahun pada tahun ini," ujarnya.



**BARISAN pemain Akademi Wira Muda yang mengambil bahagian dalam kejohanan berkaitan.**

### Sistem latihan tersusun, jurulatih profesional

Akademi Wira Muda membuka penyertaan kepada kanak-kanak berusia enam hingga 12 tahun yang dibahagikan kepada kategori elit dan pembangunan.

Shaik Awish menjelaskan bahawa kekuatan utama akademi terletak pada sistem latihan yang tersusun, fasiliti lengkap serta barisan jurulatih profesional yang memiliki lesen kejurulatihan bertauliah.

"Kami bukan sahaja melihat kepada kelayakan, tetapi juga pengalaman jurulatih dalam mengendalikan pemain muda bagi memastikan potensi mereka dapat digilap secara maksimum.

"Malah, latihan diadakan secara berkala pada hujung minggu manakala bagi kumpulan elit, sesi latihan dijalankan lebih kerap termasuk pada hari biasa dan waktu malam, khususnya menjelang kejohanan," katanya yang merupakan bapa kepada dua cahaya mata itu.

### Sasar kekal konsisten lahirkan bakat

Mengulas mengenai sasaran akademi, beliau memaklumkan bahawa pihaknya berusaha memastikan pelatih yang tamat latihan pada usia 12 tahun dapat disalurkan ke sekolah sukan negeri atau akademi elit seperti Akademi Mokhtar Dahari, AJDT dan Selangor.

"Bagi pelatih yang tidak terpilih, mereka masih mempunyai laluan melalui sekolah biasa atau pusat latihan daerah," jelasnya.

Dalam masa sama, beliau mengakui cabaran utama adalah untuk memastikan akademi kekal relevan dan konsisten di mata masyarakat.

"Persaingan semakin sengit, lebih-lebih lagi apabila kami perlu pertahankan kejuaraan.

"Justeru, latihan intensif sehingga empat hingga lima kali seminggu dilaksanakan, termasuk ketika bulan Ramadan," katanya.

• *Sambungan di muka 15.*

# Sedekad cetus inspirasi STEM

# rancang pusat sains baharu bertaraf dunia

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **SIEW CHIA EN**

**TECH *Dome Penang*** (Tech Dome) bakal meraikan sedekad peranannya sebagai pemangkin pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) menerusi pelbagai program istimewa termasuk tawaran 10,000 tiket kemasukan percuma, pembukaan galeri angkasa lepas baharu serta pengumuman perancangan membangunkan pusat sains bertaraf dunia yang lebih besar dan moden.

Sambutan bertemakan *'From Blue Gem to a Bright Future: A Decade of Innovation'* itu bukan sahaja mengimbau perjalanan 10 tahun Tech Dome dalam menyemai budaya inovasi dan pembelajaran STEM, malah menjadi titik tolak kepada fasa baharu pembangunan pusat sains berkenaan selaras dengan aspirasi Pulau Pinang sebagai hab teknologi dan inovasi serantau.

Ketua Pegawai Eksekutif Tech Dome, **TS. KHOO BOO WOOI** berkata bahawa perjalanan Tech Dome sepanjang 10 tahun bukanlah sesuatu yang berlaku secara kebetulan, sebaliknya hasil komitmen berterusan pelbagai pihak termasuk rakan strategik yang memainkan peranan penting dalam pembangunan negeri.

"Seperti kata YB Timbalan Ketua Menteri II (Jagdeep Singh Deo) baru-baru ini, perjalanan ini hanya dapat direalisasikan melalui kerja keras semua pihak yang wajar diberikan pengiktirafan.

"Maka, sempena ulang tahun ke-10 ini, kami di Tech Dome bukan sekadar meraikan pencapaian lalu, tetapi juga menjadi simbol komitmen berterusan dalam membina masyarakat yang lebih berdaya saing melalui pendidikan STEM," ujarnya ketika dihubungi pada 6 Mei lalu.

Menurut beliau, kewujudan institusi seperti Tech Dome amat penting dalam menyediakan generasi muda menghadapi cabaran masa depan yang semakin dipacu oleh perkembangan sains dan teknologi.

"Setiap pelajar, guru, ibu bapa, rakan industri dan pengunjung yang pernah melangkah masuk ke Tech Dome mempunyai peranan dalam membentuk perjalanan kami selama 10 tahun ini.

"Sebab itu, sambutan kali ini bukan hanya tertumpu kepada pameran dan program semata-mata, tetapi turut memberi ruang kepada komuniti untuk bersama-sama meraikan kenangan, pengalaman dan inspirasi yang telah dikongsi sepanjang sedekad lalu," ujarnya.

Bercerita mengenai jumlah kehadiran pengunjung, Boo Wooi memaklumkan bahawa sepanjang sedekad lalu, Tech Dome telah menerima kira-kira 1.45 juta



**TS. Khoo Boo Wooi.**

pengunjung dari dalam dan luar negara selain menganjurkan ratusan bengkel serta program pendidikan STEM.

"Pada tahun 2025 sahaja, sebanyak 404 program berjaya dilaksanakan dan ini membuktikan peranan Tech Dome sebagai platform pembelajaran STEM yang terus mendapat sambutan daripada masyarakat," jelasnya.

Menurut beliau, antara kekuatan utama Tech Dome adalah keupayaannya menghubungkan dunia pendidikan dengan keperluan industri melalui pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman.

"Matlamat kami bukan sekadar menarik minat pelajar terhadap sains dan teknologi, tetapi membantu mereka memahami bagaimana STEM diaplikasikan dalam kehidupan sebenar dan dunia pekerjaan.

"Sebagai negeri yang dipacu industri teknologi tinggi, Pulau Pinang memerlukan lebih ramai saintis, jurutera, pakar teknologi dan inovator.

"Oleh itu, Tech Dome akan terus menjadi platform penting dalam membantu melahirkan bakat-bakat yang mampu memenuhi keperluan industri masa depan," ulasnya lanjut.

Sejak dibuka kepada umum pada tahun 2016 di Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar), Tech Dome telah berkembang menjadi pusat penerokaan sains dan teknologi utama di utara Semenanjung Malaysia.

Ditubuhkan menerusi kerjasama strategik antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan sektor swasta, pusat sains bukan berasaskan keuntungan itu diwujudkan bagi meningkatkan literasi sains dalam kalangan masyarakat serta memupuk minat generasi muda terhadap bidang STEM yang menjadi pemacu utama ekonomi masa depan.

Kini, Tech Dome menempatkan lebih 120 pameran interaktif merangkumi pelbagai bidang termasuk robotik, fizik, kejuruteraan, optik, teknologi maklumat dan inovasi digital.

Selain pameran tetap, pusat berkenaan turut menganjurkan pelbagai bengkel, pertandingan, seminar serta program pembangunan bakat yang melibatkan pelajar, guru dan komuniti dari seluruh Pulau Pinang.

## Dari pusat STEM ke pemangkin bakat

Menurut Boo Wooi, peranan Tech Dome semakin penting dalam era perkembangan pesat teknologi global termasuk automasi, digitalisasi dan kecerdasan buatan (AI), sekali gus membantu melahirkan generasi yang memiliki kemahiran berfikir secara kritis, kreatif dan bersedia menghadapi cabaran masa hadapan.

"Apa yang bermula sebagai sebuah pusat pembelajaran STEM kini berkembang menjadi platform yang menghubungkan pendidikan, industri dan komuniti.

"Sambutan ulang tahun ke-10 ini bukan sahaja meraikan pencapaian lalu, tetapi turut menjadi titik permulaan kepada fasa baharu untuk Tech Dome terus berkembang sebagai pusat sains dan teknologi bertaraf antarabangsa," jelasnya.

## Hadiah istimewa untuk rakyat Pulau Pinang

Sebagai penghargaan kepada rakyat negeri ini yang telah menyokong Tech Dome sejak penubuhannya, Boo Wooi memberitahu bahawa pusat sains tersebut menawarkan 10,000 tiket kemasukan percuma sepanjang 10 hari bermula 9 hingga 18 Julai 2026.

"Inisiatif dikenali sebagai *'10,000 Visitors – 10 Days Free Admission'* itu terbuka secara eksklusif kepada pemegang kad pengenalan Pulau Pinang.

"Melalui program ini, orang ramai berpeluang meneroka pelbagai pameran STEM interaktif, menyertai pengalaman pembelajaran secara praktikal serta menikmati aktiviti bertemakan teknologi yang disediakan di Tech Dome.

"Penebusan tiket adalah terhad setiap hari dan dijangka memberi peluang lebih luas kepada masyarakat, khususnya keluarga dan pelajar, untuk menikmati pengalaman pembelajaran STEM secara interaktif tanpa sebarang bayaran." ujarnya.

Selain kemasukan percuma, difahamkan sambutan ulang tahun ke-10 turut menampilkan pelbagai program lain termasuk penglibatan komuniti melibatkan 10 sekolah di lima daerah, program penglibatan khas sekolah, pembukaan rasmi galeri baharu dikenali sebagai *Space Gallery*, Anugerah Kecemerlangan STEM Tech Dome, *FutureScape Exhibit Design Challenge*, kempen penghargaan awam, Tech Talk Weekend: *From Science to AI and Beyond*, penerbitan e-buku dan dokumentari khas ulang tahun ke-10 serta majlis makan malam penghargaan.

"Untuk *Space Gallery*, ia dibangunkan menerusi kerjasama dengan *Shanghai Astronomy Museum* dan dijangka menjadi antara tarikan utama melalui pengalaman imersif berkaitan astronomi serta sains angkasa," katanya lagi.

## Langkah ke fasa baharu

Dalam perkembangan sama, Jagdeep yang juga Exco Pembangunan Modal Insan, Sains & Teknologi memaklumkan bahawa Tech Dome kini berada pada peringkat awal perancangan untuk membangunkan sebuah pusat sains baharu yang lebih besar dan moden susulan fasiliti sedia ada yang telah mencapai kapasiti maksimum.

"Pusat baharu ini bakal menyediakan pameran interaktif yang lebih canggih, ruang pendidikan yang lebih luas serta kemudahan bertaraf dunia, sekali gus mengukuhkan kedudukan Pulau Pinang sebagai hab serantau dalam bidang sains, teknologi dan inovasi," katanya pada sidang media 5 Mei lalu.

Mengulas lanjut mengenai perkara itu, Boo Wooi menyatakan bahawa cadangan pembangunan tersebut melibatkan pembinaan bangunan enam tingkat lengkap dengan aras bumbung dan ruang bawah tanah di atas tapak sekurang-kurangnya tiga ekar dengan keluasan kira-kira 240,000 kaki persegi.

Tambah beliau, usaha tersebut turut diperkukuh menerusi pemeteraian dua Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Muzium Sains dan Teknologi Shanghai serta Muzium Sains dan Teknologi Shenzhen, China bagi menyokong pembangunan pusat sains baharu melalui kerjasama antarabangsa dan pertukaran kepakaran.

"Kerjasama ini membuka peluang kepada Tech Dome untuk mengadaptasi amalan terbaik antarabangsa serta memperkenalkan lebih banyak pameran dan pengalaman pembelajaran bertaraf dunia kepada pengunjung pada masa hadapan," jelasnya.

Sebagai rekod, *Tech Dome Penang* merupakan pusat sains dan teknologi pertama seumpamanya di Pulau Pinang yang dibangunkan melalui model kerjasama awam-swasta.

Mengimbau perjalanan sejak 2016, Boo Wooi percaya bahawa pusat tersebut akan terus memainkan peranan penting dalam menyokong aspirasi negeri untuk melahirkan lebih ramai bakat STEM yang mampu memenuhi keperluan industri berteknologi tinggi serta bersaing pada peringkat global.

Bagi Boo Wooi, dekad pertama Tech Dome adalah tentang membina asas yang kukuh, manakala dekad seterusnya akan memberi tumpuan kepada memperluas impak pendidikan STEM melalui kemudahan yang lebih moden, kerjasama antarabangsa dan pengalaman pembelajaran yang lebih inovatif.

